

Smart Wheelbox



*Guru dan Pembantu Pengurusan Murid
SK Kurong Hitam*

Pengenalan Murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SK Kurong Hitam menunjukkan tahap pencapaian yang kurang memberangsangkan didalam menguasai kemahiran membaca dan menulis suku kata. Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa mereka kurang bersemangat dan mudah lupa perkara yang diajar. Oleh itu guru perlu membuat satu kaedah dan intervensi bagi membantu murid-murid ini. Kaedah yang dihasilkan adalah selaras dengan konsep pendidikan bagi murid berkeperluan khas (MBK) iaitu belajar sambil bermain. Bagi MBK bermain adalah dunia mereka dan ini perlu diterapkan didalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran mereka. Dengan ini tercetus idea untuk menghasilkan satu inovasi yang diberi nama Smart Wheelbox dimana objektifnya adalah untuk membantu MBK belajar mengeja, membaca suku kata, membina ayat dan membuat latihan secara interaktif dengan menggunakan konsep didik hiburan. Dengan menggunakan inovasi ini MBK lebih berminat untuk belajar dan proses pembelajaran menjadi lebih mudah. Penggunaan bahan yang berwarna-warni, mudah digunakan serta menarik minat murid menjadikan pembelajaran di dalam kelas lebih menyeronokkan sejajar dengan konsep pembelajaran abad ke 21..

RASIONAL

- Menarik dan berkesan
- Meningkatkan motivasi murid
- Mempelbagaikan kaedah pengajaran
- Mudah digunakan

IMPAK

- Meningkat pencapaian murid
- Menarik minat murid terhadap PdP
- Mempraktikan PAK 21
- Memudahkan pemahaman murid

PENGGUNAAN

- Mewujudkan suasana pembelajaran secara didik hiburan
- Latihan dan lembaran kerja secara interaktif
- Memotivasikan murid

STRATEGI PENYELESAIAN

Pembelajaran secara koperatif dan kolaboratif
Pembelajaran didalam kelas yang menarik dan efektif
Mempelbagaikan konsep pengajaran dan pembelajaran
Latihan secara digital dan berimpak tinggi

PERLUASAN & KOMERSIAL

Menggabungkan konsep pengajaran dan permainan interaktif
Telah diguna untuk kelas pra sekolah dan pemulihan khas
Memohon hak cipta MYIPO